



Ulul Albab Center of Excellence



TUGASAN

GOLDEN SCHOOL

HOLIDAY

NAMA : _____

KELAS : _____

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Rujukan : IUAM 300-1/3/17(110)
12 Oktober 2017
Tarikh : 22 Muharram 1439H

Kepada :

Ibu bapa / penjaga,
Sek Men **imtiiaz** Ulu I Albab Melaka.

Tuan/puan,

**PERLAKSANAAN GOLDEN SCHOOL HOLIDAY SEMPENA CUTI UMUM BAGI SEKOLAH
MENENGAH imtiiaz ULUL ALBAB MELAKA**

Terlebih dahulu kami mengucapkan salam hormat dan takzim kepada tuan/puan. Doa dan harapan ikhlas dari kami semoga tuan/puan sentiasa dirahmati dan diberi perlindungan oleh Allah SWT. Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Sek.Men. **imtiiaz** Ulul Albab Melaka akan membekalkan Golden School Holiday bagi memenuhi masa cuti pelajar **selama 6 hari bagi Tingkatan 1,2 dan 4 bermula 13 Oktober 2017 sehingga 22 Oktober 2017 dan 5 hari bagi Tingkatan 5 bermula 13 Oktober 2017 sehingga 17 Oktober 2017**. Berikut merupakan tugas yang diberikan seperti di bawah :

i. **Tugas Akademik (Ting. 1,2,4 dan 5)**

3. Sehubungan dengan itu, borang tugas boleh dimuat turun dalam laman web rasmi **sekmenimtiiazmelaka**. Bersama-sama borang tersebut turut disertakan borong semakan ibubapa bagi memastikan pelajar melaksanakan tugas yang diberi. Pelajar juga diminta untuk menjilid (spiral binding) dengan menggunakan muka hadapan yang telah disediakan. **"Helaian asingan yang diberikan oleh guru subjek juga mesti dijilidkan bersama."**

4. Pihak sekolah memohon jasa baik ibu bapa untuk memastikan pelaksanaan Golden School Holiday tersebut diselesaikan dan **diwajibkan menghantar tugas mereka pada 23 Oktober 2017 (Isnin) sebelum jam 10.15 pagi kepada guru kelas masing-masing**.

5. Kerjasama tuan/puan amat kami hargai demi memastikan kecemerlangan anak-anak sekolah ini.

Sekian terima kasih,

"MENJANA GENERASI ULUL ALBAB"

Saya yang menurut perintah,


(Azharizan Bin Yaacob)

Pengetua,
Sek. Men. **imtiiaz** Ulul Albab Melaka

SULIT

1103/1

1103/1
BAHASA
MELAYU
KERTAS 1
OGOS
2017
2 JAM 15 MINIT

NO KAD PENGENALAN

							-							
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
2017

BAHASA MELAYU
KERTAS 1
MASA : DUA JAM LIMA BELAS MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA** bahagian.
2. Jawab **semua** bahagian.
3. Anda dinasihatkan supaya mengambil masa 45 minit untuk menjawab soalan **Bahagian A**, dan 1 jam 30 minit untuk **Bahagian B**.

Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman bercetak dan **1** halaman tidak bercetak

1103/1

SULIT
[LIHAT SEBELAH]


Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

Huraikan pendapat anda tentang manfaat-manfaat perhimpunan rasmi sekolah. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

MANFAAT PERHIMPUNAN RASMI

Memupuk
disiplin dalam
kalangan pelajar

Menanam
semangat
patriotik

Membudayakan
kemahiran
mencatat

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Guru merupakan insan penting yang perlu dihargai disebabkan mereka menyumbang kepada pembentukan generasi cemerlang yang diperlukan oleh negara.

Huraikan cara-cara anda menghargai guru.

2. Permintaan air bersih kian meningkat sedangkan sumbernya semakin berkurangan. Sebagai pengguna, kita berperanan penting untuk menjimatkan penggunaan air dalam aktiviti seharian.

Bincangkan langkah-langkah menjimatkan air.

3. Pengangkutan awam di negara kita semakin tidak mendapat sambutan disebabkan beberapa faktor. Hal ini sudah pasti dapat diatasi dengan meningkatkan sistem pengangkutan awam di negara kita. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana yang berjudul "Usaha-usaha Meningkatkan Sistem Pengangkutan Awam Negara."

Tulis rencana itu selengkapnya.

4. Perkembangan industri pertanian dapat menambahkan pendapatan negara, membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan imej negara di mata dunia.

Huraikan pernyataan tersebut.

5. Peribahasa 'serumpun bagai serai, selubang bagai tebu' menggambarkan sikap bersatu hati dalam segala hal.

Jelaskan kelebihan-kelebihan mengamalkan sikap bermuafakat dalam kehidupan bermasyarakat.

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

1103/2

1103/2
BAHASA
MELAYU
KERTAS 2
OGOS
2017
2 JAM 30 MINIT

NO KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
2017**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 2
MASA : DUA JAM TIGA PULUH MINIT**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak

1103/2

**SULIT
[LIHAT SEBELAH]**

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan berikut dengan teliti, kemudian buat rumusan tentang punca-punca kemerosotan kualiti alam sekitar dan langkah-langkah menanganinya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Isu kemerosotan kualiti alam sekitar telah hangat dibicarakan sejak beberapa dekad yang lalu. Hasil kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa terdapat banyak faktor yang menyebabkan berlakunya penurunan kualiti alam sekitar di negara kita. Penurunan ini berkait rapat dengan pencemaran alam yang disebabkan oleh aktiviti manusia yang dilihat semakin rakus.

Punca pencemaran udara yang utama di negara kita ialah pelepasan asap kenderaan dan asap daripada sektor perkilangan. Dari setahun ke setahun, bilangan kenderaan bermotor di negara kita terus meningkat sama ada kenderaan bermotor untuk kegunaan individu ataupun komersial. Pertambahan ini menyebabkan semakin banyak asap dilepaskan ke udara. Pelepasan asap daripada sektor perkilangan turut menyebabkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) meningkat menyebabkan kualiti alam sekitar semakin tenat. Selain itu, pembakaran terbuka tanpa kawalan juga menjadi punca pencemaran udara di negara kita. Kejadian jerebu yang melanda negara pada tahun 2014 dan 2015 kerana pembakaran hutan di negara jiran menyebabkan keseluruhan ruang udara mencatatkan IPU yang tidak sihat, malah mencapai *paras kritikal*. Fenomena ini menyebabkan gangguan kepada aktiviti seharian rakyat Malaysia khususnya golongan pelajar.

Masalah pembuangan sisa toksik ke dalam sistem saliran seperti sungai dan parit menyebabkan berlakunya pencemaran air. Hal ini ditenatkan lagi oleh sikap pemilik kapal dagang dan bot nelayan yang membuang minyak kotor ke dalam laut. Pencemaran laut yang keterlaluan akan menyebabkan hidupan semula jadi di dalam dan pinggir laut musnah secara perlahan-lahan. Lebih menyedihkan terdapat segelintir pengusaha sektor perladangan membuang baja kimia dan racun rumpai ke dalam sungai. Pencemaran alam sekitar juga dikaitkan dengan sikap individu yang membuang sampah sarap dan bahan buangan ke dalam sungai atau sistem saliran. Kajian mendapati bahawa 9 peratus atau 43 batang sungai di negara ini telah tercemar. Kebanyakan sungai yang tercemar terletak di kawasan bandar. Pembinaan taman perumahan yang semakin pesat turut menjadi penyebab kualiti alam sekitar semakin merosot. Kawasan bukit yang dahulunya subur menghijau ditarah dan diratakan untuk digantikan dengan bangunan konkrit. Pembangunan dan proses pempandaran yang tidak terancang ini menyebabkan kejadian banjir kilat dan tanah runtuh semakin kerap berlaku.

Sebagai masyarakat yang bertanggungjawab dan berpendidikan serta terdedah kepada penyebaran maklumat melalui pelbagai media, kita seharusnya sedar bahawa kita sama-sama menggalas obligasi untuk menjaga kelestarian alam ini. Alam ini perlu diwariskan kepada generasi akan datang untuk memastikan mereka dapat menikmati keindahan dan kelebihan yang dianugerahkan Maha Pencipta.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kemerosotan Kualiti Alam Sekitar'
oleh Nizar Parman,
Dewan Siswa, Julai 2016.

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *paras kritikal*. [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa kesan yang timbul disebabkan oleh kemerosotan kualiti alam sekitar. Nyatakan kesan-kesan tersebut. [3 markah]
- (iii) Masyarakat terus melakukan pencemaran alam sekitar walaupun pelbagai kempen kesedaran telah dilaksanakan. Pada pendapat anda, mengapakah berlakunya kegagalan kempen-kempen tersebut? [4 markah]

SULIT

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

CIKGU DAHARI: Sebenarnya cikgu terlibat dengan PLKN ini untuk modul PPSB.

SUNDARANI: Apa itu PPSB?

CIKGU DAHARI: PPSB itu singkatan bagi Program Penghayatan Sastera dan Budaya.

AH TIAU: Apakah aktiviti untuk PPSB?

CIKGU DAHARI: Dalam modul PPSB, pelatih akan diperkenalkan tentang sastera dan budaya.

AIMAN: Sekarang zaman teknologi dan maklumat. Apa perlunya sastera dan budaya dalam kehidupan kita sekarang ini? Nak angan-angan macam Mat Jenin?

CIKGU DAHARI: Setiap bangsa dan negara di dunia ini mempunyai budaya tersendiri. Walau maju macam mana sekalipun sesuatu bangsa itu, mereka tetap memegang jati diri bangsa mereka. Hal ini menjadikan mereka mempunyai jati diri tersendiri tanpa mengikut acuan mana-mana individu. Hal ini akan lebih menunjukkan individu yang pintar. Berbalik kepada soalan untuk aktiviti dalam modul PPSB itu, pelatih akan diperkenalkan dengan puisi tradisional dan moden, seperti syair, pantun, seloka, gurindam dan nazam. Pelatih akan dibahagikan dalam kumpulan dan setiap kumpulan akan membuat persembahan pentas selama 10 minit. Sajak menjadi teras utama dalam persembahan tersebut.

NORA: Wow, seronok macam itu! Rasa macam artislah pula.

CIKGU DAHARI: Kalau nak menjadi artis pun biarlah artis yang berpendidikan. Bukan tujuan modul ini melatih pelatih untuk menjadi artis. Cuma bertujuan memperkenalkan warisan kebudayaan milik kita dan kita patut mewarisinya dengan rasa megah. Cukuplah setakat ini pengenalan untuk PLKN. Nanti kamu semua akan melaluinya sendiri.

Dipetik daripada drama 'Berkhidmat untuk Negara'
oleh Affix Zulkarnaen Adam
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan di atas, apakah tujuan Program Penghayatan Sastera dan Budaya (PPSB) diperkenalkan dalam PLKN? [2 markah]
- (ii) Pengaruh media massa merupakan salah satu punca remaja kini semakin melupakan budaya warisan sendiri.

Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang boleh dilakukan oleh pihak media massa untuk memupuk rasa cinta akan budaya warisan dalam kalangan generasi muda?

[3 markah]

Soalan 2(d) - Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Aku Membaca Lagi

Aku mendongak langit
membaca garis dan titik
menaakuli kebesaran-Mu
di bawahnya gumpalan mega
hembusan bayu dan banjaran gunung.

Kuselusuri alam
kicauan burung
desiran ombak dan wajah pelangi
mewarnai kehidupan umat-Mu.

Aku mendongak lagi
membaca langit
di dalamnya pohon-pohon kayan rapuh
dahan dan ranting terkulai
daun-daun berguguran
helai demi helai
di lantai tanah airku yang makmur.

Aku membaca langit
kutemui
bulan dan bintang menangis
meratapi luka nasib bangsa.

Aku mendongak lagi
menitis air mata langit
membasahi bahasa Melayuku
yang berdarah.

RAZALI MOHD. YUSSOF
Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan sajak di atas, berikan dua sebab langit terus menangis. [2 markah]
- (ii) Dalam rangkap ketiga, penyair turut berasa sedih atas kemusnahan alam sekitar.
Apakah peranan anda untuk mengelakkan kemusnahan alam sekitar? [3 markah]
- (iii) Huraikan dua pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap rangkai kata di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, memukarkan imbuhan atau menggunakan rangkai kata itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) menyebarkan luas
- (ii) membaiki pulih
- (iii) melipat ganda
- (iv) sahabat pena
- (v) budi bicara
- (vi) budi pekerti

[6 markah]

(b) *Kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi setiap ayat seperti yang berikut;*

Subjek : _____

Predikat : _____

- (i) Pekerja-pekerja kilang itu didedahkan dengan peralatan moden untuk membuat kerja-kerja di kilang.
- (ii) Kelajuan kenderaan yang dibenarkan di lebuh raya 110 kilometer sejam.
- (iii) Pada bulan yang lalu, kami sekeluarga bercuti di Pulau Sentosa.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Usaha kerajaan negeri Johor menggalakkan penanam nenas disambut baik oleh para petani, terutamanya di daerah Pontian.
- (ii) Langkah kerajaan menghadkan kadar kelajuan kenderaan di jalanraya di seluruh negara berjaya mengurangkan kejadian kemalangan.

SULIT
[LIHAT SEBELAH]

- (iii) Duli Yang Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung telah berkenan untuk mencemar duli merasmikan Festival Makanan Kampung yang akan diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Perbuatan keracunan makanan di dalam kalangan murid yang berlaku di beberapa sekolah di negara ini perlu ditangani oleh pihak yang bertanggungjawab dengan segera agar tahap kesihatan dan keselamatan murid sentiasa terjamin.
- (ii) Pemergian kedua orang abangnya ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran telah menaikkan emosi pelajar yang cacat anggota itu untuk belajar bersungguh-sungguh dan mengikut jejak mereka.
- (iii) Kementerian Pendidikan Malaysia akan memberikan inisiatif berupa elaun tambahan di setiap bulan kepada guru-guru yang bertugas di kawasan pedalaman negara ini.

[6 markah]

- (e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam ayat-ayat tersebut.*

- (i) Ibu menasihati anak-anaknya supaya rajin menuntut ilmu dalam pelbagai bidang agar mereka dapat menangani cabaran dalam kehidupan seharian dengan lebih bijak di samping memperkaya ilmu pengetahuan mereka.
- (ii) “Setiap murid haruslah berbelanja secara berhemat dan rajin menabung sejak kecil untuk masa depan mereka,” pesan guru kepada anak didiknya.
- (iii) Tindakan abang yang cuba membantu sahabatnya daripada diganggu ceti haram akhirnya mengakibatkan dia turut diancam oleh kumpulan tersebut.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 *markah*]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (ii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

- (a) Dalam setiap novel terdapat pelbagai peristiwa yang boleh diteladani oleh pembaca.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, jelaskan dua peristiwa yang boleh dijadikan teladan oleh pembaca.

[7 *markah*]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** persoalan kejujuran bagi setiap novel tersebut.

[8 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT

MENENTUKAN FORMULA EMPIRIK

-PEMBAKARAN CuO DALAM GAS HIDROGEN KERING (LESS REACTIVE METAL)

<https://www.youtube.com/watch?v=u50mLkExs6o> *

-PEMBAKARAN Mg DALAM MANGKUK PIJAR (REACTIVE METAL)

<https://www.youtube.com/watch?v=OuFqtxZJRvM> *

KEREAKTIFAN LOGAM ALKALI (KUMP.1)

<https://www.youtube.com/watch?v=0KonBvfnzdo&t=727s> *

KEREAKTIFAN HALOGEN (KUMP 17)

<https://www.youtube.com/watch?v=J7b2aBKa6-U> *

ELEKTROLISIS

<https://www.youtube.com/watch?v=jYLKsMAfz8A> *

CIRI-CIRI ASID DAN BES

<https://www.youtube.com/watch?v=2dwQu32Pq3Q> *

GARAM

<https://www.youtube.com/watch?v=3COr0ol1AxM> *

-PLEASE COVER UNTUK UJIAN PENGESAHAN BAGI CATION DAN ANION

*recommended video

p/s : other video may help you a lot..please do a draft of experiment.